



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 80

AKTA PERPUSTAKAAN NEGARA 1972

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

AKTA PERPUSTAKAAN NEGARA 1972

Tarikh Perkenan Diraja 5 Julai 1972

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 13 Julai 1972

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1994

Cetakan Semula Yang Kedua 1999

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 80

AKTA PERPUSTAKAAN NEGARA 1972

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN PENGURUSAN PERPUSTAKAAN NEGARA

3. Penubuhan Perpustakaan Negara
4. Pengurusan dan pengawasan Perpustakaan Negara oleh Ketua Pengarah dan kuasa Ketua Pengarah

BAHAGIAN III

PENUBUHAN LEMBAGA PENASIHAT

5. Penubuhan Lembaga Penasihat
6. Mesyuarat Lembaga

BAHAGIAN IV

KUMPULAN WANG PERPUSTAKAAN NEGARA

7. Penubuhan Kumpulan Wang Perpustakaan Negara
8. Wang yang dikehendaki dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang itu

Seksyen

9. Penggunaan wang Kumpulan Wang
10. Anggaran
11. Akaun dan audit

BAHAGIAN V

PELBAGAI

12. Perjanjian mengenai perkhidmatan perpustakaan
13. Pemindahan sumber perpustakaan
14. Peraturan-peraturan
15. Laporan Tahunan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 80

AKTA PERPUSTAKAAN NEGARA 1972

Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan penubuhan Perpustakaan Negara dan berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengannya.

*[Semenanjung Malaysia—1 September 1972,
P.U.(B) 348/1972]*

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perpustakaan Negara 1972.
- (2) Akta ini hendaklah terpakai hanya bagi Semenanjung Malaysia sahaja.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bangunan Perpustakaan” ertinya mana-mana bangunan atau premis yang menjadi sebahagian daripada Perpustakaan atau yang digunakan olehnya dan mana-mana bangunan atau premis yang dipajak atau disewa buat sementara atau selainnya oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sesuatu Negeri bagi maksud Perpustakaan dan termasuklah mana-mana kenderaan atau vesel yang digunakan dalam mana-mana perpustakaan bergerak yang menjadi sebahagian daripada Perpustakaan;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Perpustakaan Negara yang dilantik di bawah subseksyen 4(1);

“koleksi” ertinya sumber perpustakaan yang dikumpulkan dan diselenggarakan di dalam Perpustakaan;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Perpustakaan Negara yang ditubuhkan menurut subseksyen 7(1);

“Lembaga” ertinya Lembaga Penasihat yang ditubuhkan menurut seksyen 5;

“Menteri” ertinya Menteri yang ditugaskan dengan tanggungjawab bagi perpustakaan;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga Penasihat yang dilantik di bawah perenggan 5(2)(a);

“Perpustakaan” ertinya Perpustakaan Negara yang ditubuhkan menurut seksyen 3;

“sumber perpustakaan” ertinya apa-apa bentuk perkara bertulis, bercetak atau grafik yang di atas atau di dalamnya maklumat ditulis, direkodkan, disimpan, dipamerkan atau dikeluarkan semula, termasuk manuskrip, naskhah taip, buku, akhbar, majalah berkala, risalah, peta, mikroform, kertas muzik, fotograf, filem sinematografi, piring hitam, rakaman video dan audio dan rakaman lain pada kertas, filem atau bahan lain dan salinannya;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN PENGURUSAN PERPUSTAKAAN NEGARA

Penubuhan Perpustakaan Negara

3. Suatu Perpustakaan Negara Malaysia (kemudian daripada ini disebutkan sebagai “Perpustakaan”) ditubuhkan dengan maksud dan tujuan seperti yang berikut:

- (a) menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;

- (b) memudahkan capaian seluruh Negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negeri; dan
- (c) mengadakan kepemimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.

Pengurusan dan pengawasan Perpustakaan Negara oleh Ketua Pengarah dan kuasa Ketua Pengarah

4. (1) Perpustakaan hendaklah diuruskan dan dikawal oleh Ketua Pengarah yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) menasihati Menteri tentang polisi Negara bagi segala perkara yang berkenaan dengan perpustakaan dan segala perkara lain yang berhubungan dengan perpustakaan;
- (b) memberikan nasihat dan membantu dalam perancangan dan perkembangan perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- (c) memperoleh dan menyelenggarakan suatu koleksi sumber perpustakaan yang lengkap di peringkat kebangsaan yang mencerminkan warisan intelektual, kesusasteraan dan kebudayaan Negara dan juga suatu koleksi representatif di peringkat kebangsaan yang mencerminkan pengetahuan dan kebijaksanaan manusia yang terkumpul;
- (d) menubuhkan di dalam Perpustakaan—
 - (i) Pusat Penyerahan Negara untuk simpanan dan pemuliharaan sumber perpustakaan yang diterima;
 - (ii) Pusat Bibliografi Negara untuk penyelenggaraan rangkaian bibliografi kebangsaan, pangkalan data bibliografi kebangsaan dan penyediaan perkhidmatan bibliografi dan dokumentasi kebangsaan;
 - (iii) Pusat Kebangsaan bagi manuskrip Melayu untuk pemerolehan, pendokumentasian dan penggunaan manuskrip Melayu;
- (e) menyediakan perkhidmatan rujukan, maklumat, perujukan, reprografi dan peminjaman;

- (f) menyediakan kemudahan di dalam Perpustakaan untuk membolehkannya berfungsi sebagai—
 - (i) titik tumpuan Negara bagi sistem maklumat Negara;
 - (ii) pusat kebangsaan bagi peminjaman dan pertukaran sumber perpustakaan untuk menggalakkan ketersediaan terbitan di peringkat kebangsaan dan sejagat;
- (g) menggalakkan dan menyelaraskan perkembangan dan penggunaan sumber perpustakaan di Negara ini;
- (h) menggalakkan dan memudahkan penubuhan sistem perpustakaan awam seluruh negara selaras dengan piawai kebangsaan bagi mengadakannya;
- (i) menggalakkan penubuhan suatu rangkaian perpustakaan khusus selaras dengan piawai kebangsaan bagi mengadakannya;
- (j) menggalakkan dan memudahkan kerjasama kebangsaan dan antarabangsa dan perkongsian sumber di antara perpustakaan;
- (k) mengusahakan dan memudahkan penyelidikan dalam perkara mengenai perpustakaan;
- (l) menyediakan latihan untuk meningkatkan profesionalisme dalam perkara perpustakaan;
- (m) menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca;
- (n) bekerjasama dengan agensi yang berkaitan untuk menggalakkan dan meningkatkan penggunaan dan perkembangan Bahasa Malaysia;
- (o) bekerjasama dengan badan ikhtisas dan badan lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi perkembangan perpustakaan;
- (p) meminjamkan, menjual atau secara lain melupuskan sumber perpustakaan yang menjadi sebahagian daripada Perpustakaan;
- (q) melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan perlu untuk melaksanakan tujuan yang disebut dalam seksyen 3.

(3) Pegawai sedemikian sebagaimana yang perlu atau didapati suai manfaat bagi maksud Akta ini hendaklah dilantik dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN III

PENUBUHAN LEMBAGA PENASIHAT

Penubuhan Lembaga Penasihat

5. (1) Menteri hendaklah menubuhkan suatu Lembaga Penasihat (kemudian daripada ini disebutkan sebagai “Lembaga”) bagi maksud menasihati Ketua Pengarah mengenai kemajuan Perpustakaan.

(2) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (b) Ketua Pengarah;
- (c) seorang wakil Kementerian yang pada masa itu bertanggungjawab bagi Perpustakaan; dan
- (d) tidak kurang daripada empat dan tidak lebih daripada tujuh orang anggota lain yang dilantik oleh Menteri.

(3) Ketua Pengarah boleh melantik seseorang daripada kakitangannya untuk bertindak sebagai Setiausaha Lembaga yang hendaklah menyimpan suatu rekod yang sepatutnya mengenai segala minit mesyuarat Lembaga.

(4) Pengerusi dan setiap anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (2)(d), melainkan jika pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan boleh dilantik semula.

(5) Pengerusi dan mana-mana anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (2)(d) boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri.

(5A) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan Pengerusi atau mana-mana anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (2)(d).

(6) Semua anggota Lembaga hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

Mesyuarat Lembaga

6. (1) Lembaga hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi dan empat orang anggota Lembaga hendaklah membentuk suatu kuorum.

(3) Lembaga boleh membuat kaedah-kaedahnya sendiri yang menentukan tatacara mesyuarat Lembaga dan perkara lain yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN IV**KUMPULAN WANG PERPUSTAKAAN NEGARA****Penubuhan Kumpulan Wang Perpustakaan Negara**

7. (1) Bagi maksud kemajuan perpustakaan, kumpulan wang yang berikut ditubuhkan dan dimasukkan ke dalam Jadual Kedua kepada Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*], iaitu:

“Kumpulan Wang Perpustakaan Negara”,

(kemudian daripada ini disebutkan sebagai “Kumpulan Wang itu”).

(2) Kumpulan Wang itu hendaklah dikawal dan dikendalikan oleh Ketua Pengarah mengikut peruntukan Bahagian ini.

Wang yang dikehendaki dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang itu

8. (1) Walau apa pun peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957, dan Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], hendaklah dimasukkan dari semasa ke semasa ke dalam Kumpulan Wang itu—

(a) apa-apa jumlah wang yang diuntukkan oleh Parlimen daripada Kumpulan Wang Pembangunan atau selainnya bagi maksud kemajuan perpustakaan;

- (b) wang yang diterima dengan cara derma atau pemberian wasiat bagi maksud Perpustakaan
- (c) bunga yang diterima daripada pelaburan wang yang ada dalam kredit Kumpulan wang itu;
- (d) mana-mana wang lain yang diterima oleh Kerajaan dalam sesuatu hal keadaan yang difikirkan sesuai oleh Menteri Kewangan untuk dimasukkan ke dalam Kumpulan wang itu:

Dengan syarat bahawa mana-mana baki wang yang diterima oleh Kerajaan bagi maksud Perpustakaan sebelum tarikh yang ditetapkan, yang sepatutnya telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang itu di bawah subseksyen ini jika wang itu telah diterima pada atau selepas tarikh yang ditetapkan, hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang itu.

(2) Wang yang disebut dalam perenggan (1)(a) hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang itu mengikut apa-apa jumlah wang dan pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri Kewangan.

Penggunaan wang Kumpulan Wang

9. (1) Walau apa pun peruntukan Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, wang yang ada dalam kredit Kumpulan Wang itu boleh digunakan oleh Ketua Pengarah bagi maksud yang berikut:

- (a) bayaran bagi harga tapak bina, pembinaan dan penyambungan bangunan, dan kelengkapan untuk Perpustakaan;
- (b) bayaran bagi perbelanjaan perundingan untuk kemajuan perpustakaan;
- (c) bayaran bagi harga sumber dan perkhidmatan perpustakaan yang diperoleh bagi maksud kemajuan perpustakaan;
- (d) apa-apa bayaran lain bagi maksud kemajuan perpustakaan.

(2) Wang yang ada dalam kredit Kumpulan Wang itu boleh dilaburkan mengikut perenggan 8(3)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957.

Anggaran

10. Pada setiap tahun, dalam tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbendaharaan, Ketua Pengarah hendaklah mengemukakan kepada Perbendaharaan melalui Menteri suatu penyata yang menunjukkan anggaran penerimaan dan pembayaran Kumpulan Wang itu berkenaan dengan tahun yang berikutnya. Bagi menyokong penyata itu Ketua Pengarah hendaklah mengemukakan butiran rancangan kemajuan yang dicadangkan hendak dijalankan olehnya pada tahun yang berikutnya itu.

Akaun dan audit

11. (1) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan supaya akaun yang sepatutnya disimpan dan disenggarakan berkenaan dengan Kumpulan Wang itu.

(2) Selepas sahaja akaun itu diaudit Ketua Pengarah hendaklah mengemukakan kepada Menteri dan Menteri Kewangan penyata akaun yang telah diaudit itu bersama dengan apa-apa pandangan mengenainya.

(3) Menteri hendaklah menyebabkan supaya penyata akaun yang telah diaudit itu bersama dengan pandangan, jika ada, dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen.

BAHAGIAN V**PELBAGAI****Perjanjian mengenai perkhidmatan perpustakaan**

12. Ketua Pengarah boleh, atas terma dan syarat yang diluluskan oleh Menteri, bekerjasama atau membuat perjanjian dengan pihak berkuasa atau orang sama ada di Malaysia atau di tempat lain berkenaan dengan hal ehwal perpustakaan.

Pemindahan sumber perpustakaan

13. Menteri boleh mengarahkan supaya apa-apa sumber perpustakaan yang ada dalam jagaan atau simpanan mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan sesuatu Negeri dipindahkan dari jabatan atau agensi itu ke Perpustakaan:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa sumber perpustakaan itu boleh dipindahkan dari sesuatu jabatan atau agensi sesuatu Kerajaan Negeri ke Perpustakaan tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Negeri itu.

Peraturan-peraturan

14. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang tidak berlawanan dengan Akta ini berkenaan dengan penyempurnaan yang sepatutnya fungsi Ketua Pengarah dan berkenaan dengan pengurusan dan pengawalan Perpustakaan dan bangunan perpustakaan dan, khususnya, tanpa menyentuh keluasan yang tersebut di atas, peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan berkenaan dengan—

- (a) pengurusan dan pengawasan am Perpustakaan;
- (b) pengendalian ketenteraman dan pencegahan kacau ganggu dalam bangunan perpustakaan dan kawasannya;
- (c) menahan masuk atau mengeluarkan dari Perpustakaan atau bangunan Perpustakaan orang yang didapati telah melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (d) jumlah denda yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah kerana kerosakan, kehilangan atau kelewatan mengembalikan sumber perpustakaan yang dipinjamkan dan berkenaan dengan mengetepikan atau memulangkan balik denda itu; dan
- (e) fi yang akan dikenakan oleh Ketua Pengarah kerana memberikan perkhidmatan maklumat atau kerana membuat dan memperakui salinan mengenai mana-mana sumber perpustakaan dan berkenaan dengan pengecualian daripada menjelaskan sepenuhnya atau sebahagian daripada fi itu.

Laporan tahunan

15. (1) Ketua Pengarah hendaklah dengan seberapa segera yang boleh pada penghujung setiap tahun menyediakan atau menyebabkan supaya disediakan dan dihantar kepada Menteri suatu laporan tahunan berkenaan dengan kemajuan dan aktiviti Perpustakaan.

(2) Menteri hendaklah menyebabkan supaya suatu salinan setiap laporan itu dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 80****AKTA PERPUSTAKAAN NEGARA 1972****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A667	Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987	15-04-1987

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 80****AKTA PERPUSTAKAAN NEGARA 1972****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A667	15-04-1987
3	Akta A667	15-04-1987
4	Akta A667	15-04-1987
5	Akta A667	15-04-1987
5A	Akta A667	15-04-1987
6	Akta A667	15-04-1987
9	Akta A667	15-04-1987
13	Akta A667	15-04-1987
14	Akta A667	15-04-1987
